

PROTON perlu diberi nafas baharu untuk berdaya saing

Kuala Lumpur: PROTON Holdings Bhd (PROTON) perlu diberi nafas baharu dengan merombak seluruh rantai operasi, termasuk vendor pembekalan komponennya untuk kekal berdaya saing.

Pensyarah Kanan Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Mohd Yusof Saari, berkata PROTON melakar sejarah ketika awal penubuhannya pada Mei 1983 kerana dilindungi dasar kerajaan.

Beliau berkata, pendekatan sedemikian menyebabkan PROTON tidak terdedah kepada persaingan oleh pengeluar automotif dari pasaran antarabangsa, sekali gus mengekang produktiviti dalam penghasilan produk dan reka bentuknya.

“Vendor pembekalan komponen PROTON sejak ia ditubuhkan pada Mei 1983 hanya diberikan kepada syarikat tertentu menerusi tender tertutup, selain ada campur tangan politik.

“Vendor pembekalan komponen PROTON hanya diberikan kepada syarikat tertentu menerusi tender tertutup, selain ada campur tangan politik”

Dr Mohd Yusof Saari,
Pensyarah Kanan Fakulti
Ekonomi dan Pengurusan
UPM

komponen PROTON,” katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed, sebelum ini dilaporkan berkata, kerajaan perlu memperhalusi permohonan PROTON yang memerlukan bantuan geran dan pinjaman mudah kerana ia membabitkan sejumlah besar wang rakyat.

Meniti usia 32 tahun, kerajaan sudah menyalurkan geran, bantuan dan cukai tidak dikutip berjumlah RM13.9 bilion kepada PROTON, namun industri kereta nasional itu masih berdepan pelbagai masalah.

Geran penyelidikan

Mohd Yusof berkata, langkah terbaik dalam memacu daya saing PROTON adalah menerusi pemberian geran penyelidikan sebagai usaha awal untuk melonjakkan daya saingnya, sebelum melaksanakan liberalisasi pasaran automotif secara berperingkat.

“Perlu ada tindakan drastik untuk memperkukuhkan daya saing PROTON sebelum Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) yang akan membuka pasaran kepada 800 juta penduduk dan 40 peratus pasaran baharu,” katanya.

“Justeru, hubungan kerjasama antara PROTON dan pengeluar automotif antarabangsa sering gagal, termasuk rundingan dengan industri jentera Jerman, Volkswagen pada Jun 2010.

“Pelbagai isu timbul, namun difahamkan wujud pertikaian pegangan saham yang dikemukakan Volkswagen terhadap rantai pembekalan